

511 hektar sawah padi diserang bena perang

ALOR STAR: Sebanyak 511 hektar sawah padi membabitkan sembilan kawasan di negeri ini dikenal pasti menghadapi serangan penyakit bena perang yang serius pada musim pertama tahun ini.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Badri Yunus, berkata serangan penyakit itu tidak boleh dipandang ringan kerana dianggarkan ia menyebabkan pengurangan tuaian lebih 3,000 tan metrik membabitkan kerugian lebih RM22.9 juta kepada petani.

Sehubungan itu, beliau menyarankan kerajaan melalui agensinya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil inisiatif lebih menyeluruh membantu pesawah mengatasi masalah itu yang sudah menghantui mereka lebih 15 tahun lalu.

"Kerajaan perlu memberi bantuan sewajarnya supaya masalah penyakit bena perang dan ancaman makhluk perosak lain termasuk tikus dan gonggong emas dapat dihapuskan. Jika tidak kehidupan petani yang bergantung hidup kepada sawah padi akan terjejas dan usaha kerajaan memperbaiki taraf hidup mereka tidak tercapai".

"Kebanyakan pesawah di negeri ini juga tidak mempunyai sumber pendapatan lain," katanya di sini, baru-baru ini.